

UNTUK SIARAN SEGERA

KHAZANAH NASIONAL MENYEMPURNAKAN PEMULIHARAAN SERI NEGARA

Pembukaan semula Seri Negara menandakan pencapaian signifikan inisiatif Warisan KL

Kuala Lumpur, 15 Disember 2025 — Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim hari ini menyaksikan penyempurnaan pemuliharaan Seri Negara serta pembukaan rasminya.

Seri Negara merupakan salah satu bangunan paling bersejarah di Malaysia yang menjadi lokasi termeterainya Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, iaitu detik penting menuju kemerdekaan negara. Usaha pemuliharaan dan peremajaan Seri Negara diterajui oleh Khazanah Nasional sebagai sebahagian daripada program Dana Warisan.

Pengarah Urusan Khazanah, Dato' Amirul Feisal Wan Zahir berkata, "Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan atas kepercayaan untuk memulihara bangunan ikonik yang begitu penting dalam lipatan sejarah negara. Kami juga amat menghargai sokongan semua rakan pelaksana yang telah bersama-sama membantu menjayakan usaha ini. Sememangnya, pemuliharaan Seri Negara merupakan suatu amanah besar yang cukup istimewa buat Khazanah. Matlamat kami bukan sekadar memulihkan sebuah bangunan, tetapi untuk menghidupkan semula semangat dan kisah yang telah membentuk perjalanan sejarah negara. Kami berharap agar Seri Negara akan terus berkembang menjadi ruang yang inklusif, mencetus inspirasi, dan sebuah tempat di mana rakyat Malaysia serta para pelancong dapat menghargai sejarah dan warisan negara."

Di bawah inisiatif nasional Warisan KL, Khazanah telah diamanahkan untuk memelihara dan memperbaharui lapan (8) bangunan bersejarah Malaysia yang penting, iaitu Seri Negara dan Carcosa di Bukit Carcosa, serta Kompleks Bangunan Sultan Abdul Samad (BSAS) yang merangkumi Bangunan Sultan Abdul Samad, Pejabat Pos Lama, bekas Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Panggung Bandaraya, bekas Pejabat Ukur FMS dan Muzium Tekstil Negara. Selain itu, sebuah jambatan pejalan kaki yang menghubungkan Seri Negara dan Carcosa ke Taman Botani Perdana Kuala Lumpur juga akan dibina. Khazanah telah memperuntukkan RM600 juta bagi melaksanakan inisiatif ini.

Dato' Amirul Feisal menambah, "Pelaburan ini sejajar dengan strategi domestik Khazanah yang bertujuan memperkukuh ketersambungan dan memperkukuh kedudukan Kuala Lumpur sebagai hab ekonomi dan budaya yang dinamik dan rancak bagi menjana nilai jangka panjang, memperkasa jati diri nasional serta merancakkan pertumbuhan sektor pelancongan, rekreasi, dan industri kreatif tempatan. Sektor pelancongan berupaya menjana kesan pengganda lebih dua kali ganda dalam merangsang ekonomi tempatan. Seri Negara hanyalah titik permulaan. Khazanah akan terus bekerjasama rapat bersama agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, dan rakan strategik untuk menghidupkan semula bangunan-bangunan yang telah dipulihara ini sebagai ruang budaya awam, perantaraan pendidikan, dan simbol kebangsaan untuk generasi akan datang."

Kerja pemulihan Seri Negara yang dilaksanakan dalam tempoh masa 10 bulan mengekalkan ciri-ciri asal seni bina bangunan tersebut, di samping meningkatkan aspek keselamatan, kebolehcapaian, dan kemudahan awam bagi memastikan semua lapisan masyarakat dapat berkunjung, mengalami serta menghayati semula warisan negara. Seri Negara akan menempatkan Galeri Seri Negara yang meraikan perjalanan negara menuju kemerdekaan dan bertujuan mendidik orang ramai mengenai tempoh bermakna dalam sejarah Malaysia. Turut disediakan ialah sebuah kafe dan restoran dikendalikan oleh Serai Group, menawarkan pengalaman menjamu selera yang bernostalgia, mencerminkan keindahan warisan Seri Negara di samping meraikan kepelbagaian hidangan terbaik Malaysia.

Semuka Cafe kini dibuka kepada orang awam manakala Serai House akan dibuka secara tempahan sahaja buat sementara waktu. Sebagai bangunan berstatus Warisan Negara, pengunjung perlu mendaftar melalui program Sahabat Seri Negara untuk melawat Galeri Seri Negara.

Pendaftaran boleh dibuat melalui www.serinegara.com.my dan pengunjung boleh memilih slot masa yang diingini. Para pendaftar akan menerima maklumat lanjut mengenai cara menempah slot lawatan serta menyertai program yang bakal diperkenalkan.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.khazanah.com.my. Untuk pertanyaan berkaitan media, sila hubungi Regina Lee di talian +603 2034 0492, atau e-mel ke regina.lee@khazanah.com.my.

Mengenai Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") ialah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk menyampaikan nilai mampan untuk rakyat Malaysia. Selaras dengan strategi jangka panjang Memajukan Malaysia, Khazanah menyasarkan untuk mencapai tujuannya dengan melabur dalam sektor pemangkin, mencipta nilai melalui pengawasan aktif, meningkatkan kehadiran globalnya, serta membina kapasiti dan komuniti yang bertenaga untuk manfaat rakyat Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, layari www.khazanah.com.my.

Mengenai Warisan Kuala Lumpur



Warisan KL merupakan inisiatif pemulihan bandar berteraskan warisan dan budaya di peringkat nasional yang bertujuan menghidupkan kembali jiwa Kuala Lumpur melalui pemuliharaan dan pembayangan semula warisan binaan kota ini. Inisiatif ini membawa misi untuk mewujudkan sebuah bandar raya yang lebih berdaya huni, di samping merangsang pertumbuhan dalam sektor pelancongan, perusahaan komuniti, dan aktiviti komersial.

Dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, Warisan KL menghimpunkan agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), rakan sektor swasta serta komuniti bagi memposisikan Kuala Lumpur sebagai hab warisan, budaya, dan kreativiti yang dinamik. Dengan menghidupkan kembali nadi bandar raya, Warisan KL bukan sahaja meraikan sejarah silam, malah membentuk masa depan Malaysia yang inklusif dan penuh potensi.